



*JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA*

# **LAPORAN LIPUTAN MEDIA**

**11 April 2018**

1. Polis tumpas geng samun rumah walet; Utusan Malaysia

OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT DAN ANTARABANGSA  
BAHAGIAN PERANCANGAN  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

MEDIA CETAK		MEDIA ELEKTRONIK	
<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL	<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL
<input checked="" type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR	<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR
<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO	<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO
<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME	<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME
<input type="checkbox"/> THE SUN	<input type="checkbox"/> SUNDAY STAR	<input type="checkbox"/> THE SUN	
<b>RUANGAN : Dalam Negeri</b>	<b>M/SURAT:</b> <input type="text" value="29"/>	<b>RUANGAN :</b>	
<b>PERKARA</b>			
<input type="checkbox"/> DASAR JABATAN	<input type="checkbox"/> IMPORT EKSPORT	<input type="checkbox"/> SISTEM KUALITI	<input type="checkbox"/> PELBAGAI
<input type="checkbox"/> KESIHATAN AWAM	<input type="checkbox"/> KAWALAN PENYAKIT	<input type="checkbox"/> PENGUATKUASAAN	
<input type="checkbox"/> KEBAJIKAN HAIWAN	<input type="checkbox"/> TEKNOLOGI VETERINAR	<input checked="" type="checkbox"/> ADUAN	
<b>TARIKH</b>			
11 April 2018			

**SARANG** burung yang dirampas daripada kumpulan samun burung walet yang ditangkap di Sibü.

**S. Dev Kumar** (dua dari kanan) bersama pegawainya memeriksa senjata dan peralatan pecah rumah yang dirampas daripada kumpulan samun burung walet yang ditangkap di Sibü, Sarawak semalam. - GAMBAR IHSAN PDRM

## 11 kes libat kerugian RM1 juta selesai

# Polis tumpas geng samun rumah walet

Oleh ANGELINA SINYANG  
pengarang@utusan.com.my

**■ SIBU 10 APRIL**

**S**ETELAH hampir enam bulan diburu kerana aktif menyamun di rumah burung walet dengan mengaut keuntungan mencecah RM1 juta, akhirnya sembilan lelaki yang menganggotai kumpulan penjenayah itu ditumpaskan menerusi lima serbuan berasingan di bandar ini hari ini.

Dalam serbuan menerusi operasi khas dikenali sebagai Op Burung itu, polis turut menangkap seorang pengusaha sarang burung walet atau layang-layang yang bersekongkol dengan kumpulan penjenayah berkenaan.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Sarawak, Datuk S. Dev Kumar berkata, kumpulan samun rumah burung walet itu mula diburu oleh pasukan khas dari JSJ Sarawak selepas terlibat menyamun sebuah kren bernilai RM200,000 di sebuah kilang bata di Bintulu pada 20 September tahun lalu.

"Dalam kejadian itu, kira-kira 10 suspek telah mengikat seorang pekerja dan membawa mangsa lari sebelum menolaknya keluar dari kereta di simpang Sebauh, Bintulu," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Menurut Dev Kumar, hasil siasatan lanjut, kumpulan penjenayah itu didapati turut aktif memecah masuk rumah burung walet yang diusahakan oleh penternak untuk mencuri sarang burung berkenaan.

Ujarnya, suspek yang bersenjata tajam dan parang akan mencedera dan mengikat pekerja rumah burung tersebut, manakala sarang burung yang diperolehi dijual kepada peniaga yang turut ditangkap hari ini dengan harga RM2,000 sekilogram.

Jelasnya, lelaki tempatan berusia 52 tahun yang membeli hasil samun daripada kumpulan penjenayah itu kemudian memproses sarang burung terbabit di rumahnya sebelum dieksport ke China.

"Kesemua suspek ditangkap dalam lima serbuan berasingan oleh pasukan khas diketuai Timbalan Ketua JSJ (Operasi) Sarawak, Asisten Komisioner Abdul Razak Mohamad antara pukul 2.30 hingga 9 pagi ini.

"Lima lokasi serbuan ialah sebuah karaoke di Lorong Ek Dee, dua rumah kedai di Lorong Chengal 5 dan Jalan Jerwit Barat serta dua lagi rumah kediaman di Jalan Rambutan dan Jalan Kapor," katanya.

Dev Kumar memberitahu, dalam serbuan itu, polis turut merampas pelbagai jenis senjata seperti parang, sabit, taji ayam, tombak dan peluru senapang patah, peralatan pecah rumah, 20 unit telefon bimbit serta hampir satu kilogram sarang burung yang siap diproses.

Katanya, hasil tangkapan itu, polis percaya dapat menyelesaikan 11 kes samun rumah burung walet, satu cubaan samun rumah walet dalam satu kes samun kren dilaporkan di Bintulu, Oya, Mukah, Pusa, Sibujaya, Tatau, Kabong, Jakar, Balingian, Matu dan Sarikei sejak September 2017 hingga April ini.

Tambahnya, peniaga sarang burung bersama sembilan perompak berusia 21 hingga 33 tahun termasuk ketuanya berusia 31 tahun dari Sibü kini direman untuk siasatan lanjut.